*Jenis Akhbar : Utusan Malaysia*
*Tarikh : 27/01/2019*
*Edisi / Muka Surat : Nasional / 66*
*Tajuk : Jadikan koperasi tempat jana pendapatan*

# Jadikan koperasi tempat jana pendapatan

**KUALA LUMPUR 26 Jan.** - Menubuhkan koperasi untuk mencari peluang menjana pendapatan merupakan antara kaedah yang boleh difikirkan oleh mereka yang kehilangan pekerjaan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah percaya, sesebuah koperasi yang ditubuhkan oleh mereka yang mengalami nasib serupa seperti kehilangan pekerjaan mampu berjaya memandangkan anggotannya secara bersama mempunyai motivasi untuk mencari pendapatan.

Malah katanya, mereka yang kehilangan mata pencarian boleh mendapatkan pekerjaan baharu menerusi perniagaan yang boleh dibentuk melalui sesebuah gerakan koperasi.

"Menubuhkan koperasi ini adalah satu usaha yang baik untuk mencari peluang-peluang menambahkan pendapatan berikutan kehilangan punca pekerjaan dalam tempoh terdekat.



**ABDUL FATTAH**

"Koperasi yang diwujudkan dapat menghubungkan kumpulan mereka yang senasib. Dalam konteks ini, saya percaya mereka boleh berjaya kerana anggota koperasi memahami antara satu sama lain dan memastikan hala tuju koperasi itu lebih mudah ditetapkan," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA